



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

1/50

BANJIR MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2024/2025 : SEKILAS DATA

7
NEGERI

15
DAERAH


96
PPS AKTIF

8,067
KELUARGA

25,599
MANGSA

*9
KEMATIAN

Data sehingga jam 12.00 tengah hari



* Catatan: Data kematian adalah kumulatif sejak 5 November 2024



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

2/50

PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	DAERAH	JUMLAH PPS	KELUARGA	MANGSA	TREND
Kelantan	Tumpat	30	3,737	11,998	Menurun
	Pasir Mas	15	2,907	8,753	Menurun
	Kuala Krai	1	7	22	Baharu
	Jeli	1	4	19	Tidak Berubah
	JUMLAH	47	6,655	20,792	Menurun
Kedah	Kota Setar	16	857	2,869	Menurun
	Kubang Pasu	4	153	540	Menurun
	Pokok Sena	3	35	117	Tidak Berubah
	JUMLAH	23	1,045	3,526	Menurun
Johor	Segamat	15	217	768	Menurun
	Tangkak	2	48	176	Tidak Berubah
	Batu Pahat	1	9	28	Baharu
	JUMLAH	18	274	972	Menurun
Perak	Kinta	2	32	92	Tidak Berubah
	Perak Tengah	2	19	57	Tidak Berubah
	JUMLAH	4	51	149	Tidak Berubah
Melaka	Jasin	2	36	140	Menurun
	JUMLAH	2	36	140	Menurun
Pahang	Maran	1	5	15	Tidak Berubah
	JUMLAH	1	5	15	Tidak Berubah
Terengganu	Setiu	1	1	5	Menurun
	JUMLAH	1	1	5	Menurun
JUMLAH KESELURUHAN		96	8,067	25,599	Menurun

* Trend: Perbandingan dengan data jam 6.00 pagi



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

3/50



SITUASI TERKINI

- Sehingga 6 Disember 2024, jam 12.00 tengah hari, terdapat **15 daerah di tujuh (7) negeri** (Kelantan, Kedah, Johor, Perak, Melaka, Pahang dan Terengganu) yang dilanda banjir dengan **pengurangan jumlah mangsa kepada 25,599 dalam tempoh 24 jam** (berbanding **44,599 mangsa** pada 5 Disember 2024). Ia melibatkan **8,067 keluarga** yang ditempatkan di **96 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka juga **menurun berbanding 161 PPS** pada 5 Disember 2024.
- Tiga (3) daerah yang paling teruk terjejas adalah **daerah Tumpat, Kelantan (11,998 mangsa)**, **daerah Pasir Mas, Kelantan (8,753 mangsa)** dan **daerah Kota Setar, Kedah (2,869 mangsa)**.
- Profil ketiga-tiga daerah tersebut berdasarkan **Dashboard Bencana** yang disediakan oleh pihak NADMA adalah seperti di **Lampiran 1**.
- Terdapat **sembilan (9) kematian** yang melibatkan **satu (1) lelaki dewasa di Machang, Kelantan (27 November 2024)**, **satu (1) lelaki dewasa di Kapit, Sarawak (27 November 2024)**, **satu (1) lelaki dewasa di Pasir Puteh, Kelantan (27 November 2024)**, **satu (1) lelaki dewasa di Besut, Terengganu (28 November 2024)**, **satu (1) kanak-kanak lelaki di Tumpat, Kelantan (28 November 2024)**, **dua (2) lelaki dewasa di Machang, Kelantan (1 Disember 2024)**, **satu (1) lelaki dewasa di Dungun, Terengganu (2 Disember 2024)** dan **satu (1) lelaki dewasa di Kemaman, Terengganu (4 Disember 2024)** direkodkan setakat ini.



MAKLUMAT CUACA DAN ARAS AIR SUNGAI SEMASA

- Tiga (3) stesen meteorologi yang mencatatkan jumlah hujan harian tertinggi pada 5 Disember 2024 adalah **Kuala Krai, Kelantan (93.7 mm)**; **Kuantan, Pahang (86.5 mm)** dan **Miri, Sarawak (73.1 mm)**. Jumlah hujan harian tertinggi pada 5 Disember 2024 daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) adalah seperti di **Lampiran 2**.
- Cuaca di rantau negara adalah baik dan dijangka berterusan sehingga 7 Disember 2024.
- Berdasarkan analisis model-model cuaca terkini, **Iruuan monsun dijangka bermula pada 8 hingga 14 Disember 2024** dan dijangkakan kekuatan iruan monsun seterusnya tidak sekutu iruan monsun yang lepas.
- Keadaan ini berpotensi menyebabkan hujan berterusan di timur dan utara Semenanjung serta Sarawak dan Sabah dalam tempoh berkenaan. Pada masa yang sama, angin kencang dan laut bergelora juga dijangka berlaku di Laut China Selatan.

- Sehubungan itu, MET Malaysia pada 5 Disember 2024, jam 1.00 tengah hari telah **mengeluarkan Amaran Hujan Berterusan (Waspada)** yang melibatkan timur dan utara Semenanjung berkuat kuasa pada 8 hingga 11 Disember 2024. Manakala, Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora bagi perairan Laut China Selatan berkuat kuasa pada 8 hingga 12 Disember 2024.
- Situasi cuaca semasa melalui imej radar MET Malaysia mendapati bahawa **cuaca adalah baik di seluruh negara** setakat ini. **Taburan hujan terkumpul pada 6 Disember 2024** dari jam 12.00 tengah malam sehingga 12.00 tengah hari adalah seperti di **Lampiran 3**.
- Sehingga 5 Disember 2024, jam 7.00 malam, **tujuh (7) Ramalan Awal Amaran Banjir** telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bermula 8 & 9 Disember sehingga 11 Disember bagi **Negeri Johor, Kedah, Kelantan, Pahang, Perlis, Perak dan Terengganu** seperti di **Lampiran 4**.
- Status aras air semasa** sehingga 6 Disember 2024, jam 06.00 pagi yang dikeluarkan oleh JPS adalah seperti di **Lampiran 5**.



IMPAK

- Anggaran bilangan rumah yang masih terkesan pada 6 Disember 2024 adalah sebanyak **8,067 buah rumah**.
- Berdasarkan rekod tanah runtuhan JMG MTL 2024/2025 sehingga 5 Disember 2024, tiada pertambahan kejadian tanah runtuhan yang baharu direkodkan. Kumulatif kejadian tanah runtuhan sepanjang MTL adalah sebanyak **24 kejadian**.
- JMG Negeri akan meneruskan tinjauan ke lokasi tanah runtuhan yang berlaku dan mengambil tindakan selanjutnya.
- Mengikut laporan **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** sehingga 6 Disember 2024, jam 8.00 pagi, jumlah premis institusi pendidikan terjejas banjir telah menurun kepada **72 premis** berbanding **86 premis** pada 5 Disember 2024, iaitu:
 - Kelantan: 54 premis** – 42 sekolah rendah dan 12 sekolah menengah;
 - Pahang: 9 premis** – lapan (8) sekolah rendah dan satu (1) sekolah menengah;
 - Kedah: 6 premis** - lima (5) sekolah rendah dan satu (1) sekolah menengah;
 - Perak: satu (1) premis** - satu (1) sekolah rendah;
 - Sarawak: satu (1) premis** - satu (1) sekolah rendah; dan
 - Melaka: satu (1) premis** - satu (1) Pusat Kokurikulum.



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

4/50

- Terdapat **75 premis institusi pendidikan** masih dijadikan PPS yang melibatkan **61 sekolah rendah** dan **14 sekolah menengah**, iaitu:
 - **Kelantan:** 37 premis - 26 sekolah rendah dan 11 sekolah menengah;
 - **Terengganu:** 9 premis – lapan (8) sekolah rendah dan satu (1) sekolah menengah;
 - **Kedah:** 23 premis - 21 sekolah rendah dan dua (2) sekolah menengah;
 - **Johor:** tiga (3) premis) - tiga (3) sekolah rendah;
 - **Melaka:** dua (2) premis - dua (2) sekolah rendah; dan
 - **Perak:** satu (1) premis - satu (1) sekolah rendah.
- Seramai **4,737 orang** terdiri daripada **4,596 murid, 106 guru/ Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP)** dan **35 pegawai** masih berada di **PPS premis institusi pendidikan** di beberapa negeri: Kelantan (3,535 orang), Terengganu (369 orang), Kedah (764 orang), Melaka (16 orang), Johor (51 orang) dan Perak (2 orang).
- Setakat **6 Disember 2024**, pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah menutup bekalan di beberapa pencawang elektrik di **Negeri Kelantan** seperti di **Lampiran 6** bagi memastikan keselamatan para pengguna setempat.
- Tiada PPS yang terjejas bekalan elektrik di daerah yang dilanda banjir.
- Tindakan-tindakan yang telah diambil di daerah yang dilanda banjir ialah pemasangan genset di kawasan yang tiada bekalan elektrik apabila keadaan selamat.
- Pihak TNB akan menutup bekalan elektrik sekiranya keadaan banjir bertambah buruk, berisiko serta membahayakan keselamatan. Penutupan bekalan elektrik akan dilakukan di pencawang elektrik yang terlibat bagi mengelakkan sebarang kemalangan atau kehilangan nyawa.
- Berdasarkan laporan oleh **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** sehingga **5 Disember 2024**, terdapat **121 fasiliti kesihatan** terjejas banjir berbanding 118 pada 3 Disember 2024; iaitu **77 di Kelantan**: Pasir Mas (27), Tumpat (15), Pasir Puteh (10), Kuala Krai (6), Machang (6), Tanah Merah (5), Kota Bharu (4) dan Bachok (4); **30 di Terengganu**; Hulu Terengganu (11), Besut (8), Dungun (5), Setiu (4), Marang (1) dan Kuala Terengganu (1); **sembilan (9) di Kedah**: Kota Setar (7), Sik (1) dan Kubang Pasu (1); **dua (2) di Negeri Sembilan**: Kuala Pilah dan Jempol; **dua (2) di Pahang**: Raub dan Jerantut serta **satu (1) di Perak**: Kampar. Perincian fasiliti kesihatan yang terjejas banjir adaah seperti di **Lampiran 7**.
- Daripada jumlah tersebut, sebanyak **81 fasiliti kesihatan masih beroperasi**, manakala **37 fasiliti kesihatan berpindah perkhidmatan kesihatan ke fasiliti alternatif** dan **tiga (3) fasiliti kesihatan tidak beroperasi**.
- Berdasarkan laporan oleh **Jabatan Kerja Raya (JKR)**, **6 Disember 2024, jam 10.00 pagi**, terdapat **53 lokasi** jalan yang terjejas disebabkan oleh bencana yang melibatkan **25 jalan persekutuan** dan **28 jalan negeri**. Sebanyak **15 lokasi** melibatkan **banjir**, **22 lokasi** melibatkan **cerun runtuh**, **9 lokasi** melibatkan **jalan runtuh**, **enam (6) lokasi** melibatkan **jalan mendap** dan **satu (1) lokasi** melibatkan **banjir kilat**. Pecahan lokasi mengikut negeri adalah **Kelantan (26)**, **Terengganu (7)**, **Kedah (5)**, **Pahang (4)**, **Perak (3)**, **Negeri Sembilan (5)**, **Johor (2)**, dan **Selangor (1)**.
- Maklumat yang disediakan oleh pihak JKR berhubung **jalan yang ditutup** dan **penyediaan jalan alternatif** di kawasan yang dilanda banjir sehingga **6 Disember 2024, jam 10.00 pagi** adalah seperti di **Lampiran 8**.
- **Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)** melaporkan, secara keseluruhannya sehingga **6 Disember 2024, jam 09.00 pagi**, terdapat **323 stesen pemancar telekomunikasi** terjejas akibat banjir di empat (4) negeri; iaitu di **Kelantan (264)**, **Terengganu (49)**, **Pahang (9)** dan **Johor (1)**.
- **267 daripadanya telah beroperasi** sepenuhnya, manakala **56 lagi masih belum beroperasi**.
- Tiada kes yang dilaporkan oleh pemberi perkhidmatan kepada SKMM mengenai insiden melibatkan infrastruktur komunikasi yang mengancam keselamatan orang ramai. Namun pihak SKMM dan pemberi perkhidmatan sentiasa berwaspada dan menerima aduan dari orang awam dan mana-mana pihak sekiranya ada kes yang melibatkan ancaman keselamatan infrastruktur komunikasi untuk diambil tindakan selanjutnya.
- Laporan dari **Polis Diraja Malaysia (PDRM)**, sehingga **6 Disember 2024, jam 10.30 pagi**, terdapat **18 premis PDRM yang terjejas akibat banjir di negeri Kelantan**, iaitu: **enam (6) balai**: Balai Polis Rantau Panjang, Balai Polis Jeram Perdah, Balai Polis Bakong, Balai Polis Meranti, Balai Polis Kuala Jambu dan Balai Polis Simpangan serta **12 Pos Pasukan Gerakan Am (PGA)**: Pos Ibrahim Pencen, Pos Haiwan, Pos Sharifah, Pos Terusan, Sekat Pintas Serongga, Pos Pok Teh Kana, Pos Kubang Pak Hitam, Pos Salleh Berek, Pos Pak Atah, Pos Mek Gombak, Pos Pulau, Sekat Pintas Bukit Lata.
- **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)** juga melaporkan, sehingga **6 Disember 2024, jam 10.30 pagi**, terdapat **satu (1) premis bomba terjejas akibat banjir di negeri Kelantan**, iaitu Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Rantau Panjang.



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

5/50



PERSIAPAN AGENSI KERAJAAN

- Peruntukan untuk menguruskan bencana telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan Kelantan.
- NADMA selaku urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) akan sentiasa memastikan semua agensi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di semua peringkat.
- Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) telah diaktifkan di negeri-negeri yang dilanda banjir bagi memastikan PPS dilengkapi dengan kemudahan asas yang mencukupi dan menyelesaikan semua aktiviti tindak balas melibatkan pelbagai agensi.
- Bagi memastikan keselesaan dan kebajikan mangsa banjir, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia untuk mengaktifkan **8,481 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)** yang mempunyai kapasiti untuk menempatkan **2,158,743 mangsa** di seluruh negara. Pecahan bilangan dan kategori PPS di setiap negeri adalah seperti di **Lampiran 9**.
- 63 orang** kekuatan tambahan **kakitangan dan sukarelawan JKM** di Putrajaya membantu **agihan barang dan pendaftaran** serta pengurusan di PPS.
- Bekalan makanan di setiap PPS adalah mencukupi. Senarai **logistik dan fasiliti penyimpanan bantuan bencana** yang disediakan oleh JKM adalah seperti di **Lampiran 10**.
- Lokasi penyimpanan makanan di kawasan yang dilanda banjir adalah di Depoh Simpanan Keperluan Bencana, Stor Bencana dan Pangkalan Hadapan.
- Antara jenis bantuan makanan yang diberikan kepada mangsa banjir di PPS adalah **keperluan asas, bahan mentah memasak, makanan berbungkus (packed food) dan bantuan gotong royong** dengan kebenaran JPBD dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB).
- Selain itu, bantuan lain yang diberikan adalah barang keperluan asas seperti **hygien kit, kit keluarga dan refreshment kit**.
- Pihak JKM telah memberikan sesi intervensi melalui pasukan psikologi untuk membantu mangsa di PPS dalam menangani situasi bencana banjir yang dialami.
- JKM juga memperkenalkan makanan *retort* sebagai makanan pemula kepada mangsa yang berpindah ke PPS.
- JKM menggunakan jalan udara bagi menghantar barang keperluan asas dan makanan kepada mangsa banjir dengan bantuan agensi tindak balas.
- Seramai **72 orang kakitangan dan sukarelawan JKM** Fasa 2 telah **digerakkan ke Kelantan** bagi membantu JKM negeri Kelantan.
- Seramai **101 sukarelawan dan kakitangan** telah menyertai **Skuad Ihsan Madani Fasa 3** untuk membantu di PPS.

- Sehingga **6 Disember 2024, jam 8.00 pagi**, JPS telah menempatkan **445 unit pam bergerak** di seluruh negara dan berdasarkan jumlah tersebut, **18 pam masih beroperasi**, iaitu: Terengganu (4), Kelantan (3), Johor (3), Kedah (3), Perak (2), Perlis (2) dan Selangor (1). Kedudukan semasa pam adalah seperti di **Lampiran 11**.
- Pam bergerak milik negeri dan persekutuan dengan pelbagai kapasiti dan jenis ditempatkan di kawasan *hotspot* banjir dan JPS Negeri/ Daerah untuk menjimatkan masa penghantaran pam ke lokasi banjir (hanya **10%** pam disimpan di Bahagian Perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal Ipoh, JPS).
- Pemasangan WIFI oleh syarikat TELCO di PPS.
- Kerajaan telah menyediakan peruntukan awal kepada semua negeri dan Agensi Tindak Balas bagi tujuan pengoperasian dan bantuan kewangan kepada mangsa bencana semasa MTL 2024/2025.
- Perincian jumlah kekuatan anggota dan asset agensi tindak balas** yang ditempatkan di negeri-negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 12**.
- Penambahan anggota dan asset pasukan penyelamat dari negeri-negeri lain ke negeri Kelantan dan Terengganu telah dilaksanakan bagi membantu kedua-dua negeri tersebut menghadapi banjir.
- NADMA telah mengaktif dan mempengaruhi **Mesyuarat Penyelarasaran Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Pusat** bersama semua PKOB negeri yang terlibat dengan banjir MTL, agensi teknikal dan agensi tindak balas bagi memastikan bencana banjir dapat diuruskan dengan cekap dan berkesan khususnya yang melibatkan pemindahan mangsa ke PPS serta keperluan dan kebajikan mangsa di PPS. Di antara keputusan utama mesyuarat PKOB Pusat yang bersidang pada hari ini adalah pergerakan NGO Rakan NADMA di lapangan, PPS yang memerlukan *Physocological First Aid (PFA)* boleh menghubungi pihak KKM dan mesyuarat mengambil maklum akan pengurangan mangsa di PPS.
- YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara pada **4 Disember 2024** telah mempengaruhi Mesyuarat Khas Penyelarasaran Bencana Banjir di NADMA yang bertujuan untuk melaporkan situasi bencana semasa dan mengatur gerak Skuad Ihsan Madani bagi membantu aktiviti pasca bencana di negeri-negeri terjejas banjir. Perancangan aktiviti Skuad Ihsan Madani yang teratur penting mengambil kira ramalan luruan monsun ke-3 yang dijangka pada 8 hingga 14 Disember 2024, membawa hujan lebat berterusan dan berpotensi menyebabkan banjir ulangan.
- Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

6/50



MAKLUMAT PERGERAKAN NGO

- Bermula Monsun Timur Laut MTL **5 November sehingga 6 Disember 2024**, terdapat **201 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)** yang berdaftar di bawah Rakan NADMA telah menyalurkan bantuan seperti keperluan **makanan dan minuman, kit kebersihan, pakaian, bantuan mencari dan menyelamat, logistic dan keperluan bayi** di beberapa negeri iaitu **di Negeri Terengganu, Kelantan, Kedah, Johor dan Negeri Sembilan**. NGO turut memberikan sumbangan ahli sukarelawan dalam **membantu pelaksanakan kerja-kerja pengagihan bantuan, khidmat kebersihan mengemas kelas, sumbangan set generator, memasang khemah** dan membantu di **Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)**.
- Selain itu, dengan kekuatan **20 orang NGO** yang terdiri daripada **doktor dan sukarelawan perubatan** telah berada di Kelantan untuk memberikan bantuan.
- Terdapat juga, **10 orang sukarelawan dari NGO** yang terlibat dalam misi bantuan banjir juga telah memberikan bantuan **khidmat kaunseling** di Dewan Dato Azman Mahalan, Kampar, Perak.
- Beberapa **NGO melalui kerjasama daripada Badan Penderma** sedang menghantar bantuan kepada mangsa banjir melibatkan sebanyak **30 Ribu barang keperluan** di beberapa PPS yang terkesan. Antara barang keperluan yang diagihkan ialah seperti **selimut, kain sarong, kain pelikat, tuala, tin sardin, kari ayam bersama kentang, hygiene kit, toto, biscut, roti dan air mineral**. Bantuan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban mangsa banjir.
- NGO juga akan memberikan khidmat pertolongan cemas asas kepada mangsa banjir jika diperlukan.
- Keperluan bekalan **air bersih** merupakan elemen penting apabila berlaku bencana banjir. Sehubungan itu, NGO turut menyumbang air bersih **10K-40K liter air** kepada **PPS** dan **Hospital** yang terjejas.



NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA

- **Tip Keselamatan Banjir :**
 - ✓ Bersedia dengan beg kecemasan;
 - ✓ Segera berpindah ke PPS yang disediakan apabila diarahkan;
 - ✓ Pergi ke tempat tinggi dan selamat;
 - ✓ Jangan biarkan kanak-kanak bermain air di kawasan banjir, longkang, lombong, badan air dan sungai; dan
 - ✓ Jangan sentuh peralatan elektrik, kabel atau wayar.
- Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

7/50

Lampiran 1

PROFIL KAWASAN YANG TERUK TERJEJAS BANJIR BERDASARKAN DASHBOARD BENCANA NADMA

BIL.	DAERAH	JUMLAH PENDUDUK	JUMLAH TEMPAT KEDIAMAN	JUMLAH ISI RUMAH	SEKOLAH	FASILITI KESIHATAN	JUMLAH HOTSPOT BANJIR
1.	Tumpat	179,943	42,113	34,817	48	31	38
2.	Pasir Mas	230,424	54,924	45,128	83	33	217
3.	Kota Setar	374,051	109,919	95,942	33	124	2



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400


6 DISEMBER 2024

8/50

Lampiran 2

JUMLAH HUJAN HARIAN TERTINGGI PADA 5 DISEMBER 2024

BIL.	NEGERI	DAERAH	STESEN METEOROLOGI	TOTAL (mm)
1.	KELANTAN	Kuala Krai	Pertubuhan Peladang Kawasan Stong, Kuala Krai, KELANTAN	93.7
2.	PAHANG	Kuantan	FELDA Bukit Kuantan, Kuantan, PAHANG	86.5
3.	SARAWAK	Miri	Curtin University, Miri, SARAWAK	73.1
4.	SARAWAK	Bintulu	Suburmas Plantations, Bintulu, SARAWAK	69.2
5.	SARAWAK	Miri	Pejabat Pertanian Daerah Bekenu Sibuti, Miri, SARAWAK	64.6
6.	SARAWAK	Miri	Stesen Meteorologi L.T. Miri, Miri, SARAWAK	59.6
7.	KEDAH	Baling	FELDA Teloi Kanan, Baling, KEDAH	59.4
8.	PERAK	Hulu Perak	Stn. Janaletrik Bersia, Hulu Perak, PERAK	58.5
9.	SARAWAK	Bintulu	Stesen Meteorologi L.T. Bintulu, Bintulu, SARAWAK	53.2
10.	SARAWAK	Sri Aman	Pejabat Pertanian Daerah Lubuk Antu, Sri Aman, SARAWAK	50.6



* Hanya 10 stesen meteorologi tertinggi dipaparkan



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)



<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

9/50

Lampiran 3

TABURAN HUJAN TERKUMPUL PADA 6 DISEMBER 2024 DARI JAM 12.00 TENGAH MALAM HINGGA 12.00 TENGAH HARI





LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

10/50

Lampiran 4

RAMALAN AWAL BANJIR PADA 5 DISEMBER 2024, JAM 7.00 MALAM



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

RAMALAN AWAL BANJIR NEGERI JOHOR



Dikeluarkan pada 05 Disember 2024; 07:00 malam

Susulan Amaran Hujan Berterusan (Waspada) oleh Jabatan Meteorologi Malaysia bertarikh 05 Disember 2024 jam 1:00 tengah hari, diramalkan banjir akan berlaku di daerah-daerah Negeri Johor seperti berikut:

Bermula 09 Disember 2024 sehingga 11 Disember 2024

Negeri Johor

1. Daerah Mersing

- Lembangan Sungai Mersing (Sg. Derhaka, Sg. Mersing, Sg. Air Merah dan Parit Tadahan Pengkalan Batu)
- Lembangan Sungai Tenglu Besar (Sg. Tenglu Kecil dan Sg. Tenglu Besar)

2. Daerah Kota Tinggi

- Lembangan Sungai Johor (Sg. Mas, Sg. Johor, Sg. Kepala Orang, Sg. Pemandi, Sg. Lalang, Sg. Telor, Sg. Chemaran, Sg. Kemang dan Sg. Sayong)
- Lembangan Sungai Sedili Besar (Sg. Gembut, Sg. Sedili Besar, Sg. Perpat dan Sg. Sempalok)
- Lembangan Sungai Rengit
- Lembangan Sungai Sepang

Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia akan membuat pemantauan berterusan dan mengemaskini hebahan amaran banjir sekiranya hujan yang signifikan terus berlaku di lembangan sungai tersebut. Banjir yang diramalkan boleh berlaku lebih awal atau lewat dari tarikh yang dijangkakan. Semua agensi pengurusan bencana serta penduduk terutamanya di kawasan yang dijangka banjir diminta berwaspada dan peka dengan arahan pihak berkuasa. Sila dapatkan maklumat dan amaran semasa melalui laman web publicinfobanjir.water.gov.my, facebook: PublicInfoBanjir

Dikeluarkan oleh:

Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN)

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

No. Rujukan: JPS-PRABN-JHR-RAB-05122024-1900



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

11/50

RAMALAN AWAL BANJIR PADA 5 DISEMBER 2024, JAM 7.00 MALAM



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

RAMALAN AWAL BANJIR NEGERI KEDAH



Dikeluarkan pada 05 Disember 2024; 07:00 petang

Susulan Amaran Hujan Berterusan (Waspada) oleh Jabatan Meteorologi Malaysia bertarikh 05 Disember 2024 jam 01:00 tengah hari, diramalkan banjir akan berlaku di daerah-daerah Negeri Kedah seperti berikut:

Bermula 08 Disember 2024 sehingga 11 Disember 2024

Negeri Kedah

1. Daerah Kubang Pasu
 - Lembangan Sungai Kedah (Sg. Bata dan Sg. Temin)
2. Daerah Kota Setar
 - Lembangan Sungai Kedah (Sg. Kedah dan Sg. Baru)
3. Daerah Poko Sena
 - Lembangan Sungai Kedah (sg. Pedu dan Sg. Nawa)
4. Daerah Padang Terap
 - Lembangan Sungai Terap (Sg. Pedu dan Sg. Padang Terap)
5. Daerah Pendang
 - Lembangan Sungai Kedah (Sg. Pendang dan Sg. Padang Kerbau)
6. Daerah Sik
 - Lembangan Sungai Muda (Sg. Chepir)
7. Daerah Baling
 - Lembangan Sungai Muda (Sg. Ketil, Sg. Kupang, Sg. Ulu Legong dan Sg. Ketil Hulu)



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

12/50

RAMALAN AWAL BANJIR PADA 5 DISEMBER 2024, JAM 7.00 MALAM



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA



RAMALAN AWAL BANJIR NEGERI KEDAH

Dikeluarkan pada 05 Disember 2024; 07:00 petang

Susulan Amaran Hujan Berterusan (Waspada) oleh Jabatan Meteorologi Malaysia bertarikh 05 Disember 2024 jam 01:00 tengah hari, diramalkan banjir akan berlaku di daerah-daerah Negeri Kedah seperti berikut:

Bermula 08 Disember 2024 sehingga 11 Disember 2024

Negeri Kedah

1. Daerah Kubang Pasu
 - Lembangan Sungai Kedah (Sg. Bata dan Sg. Temin)
2. Daerah Kota Setar
 - Lembangan Sungai Kedah (Sg. Kedah dan Sg. Baru)
3. Daerah Poko Sena
 - Lembangan Sungai Kedah (sg. Pedu dan Sg. Nawa)
4. Daerah Padang Terap
 - Lembangan Sungai Terap (Sg. Pedu dan Sg. Padang Terap)
5. Daerah Pendang
 - Lembangan Sungai Kedah (Sg. Pendang dan Sg. Padang Kerbau)
6. Daerah Sik
 - Lembangan Sungai Muda (Sg. Chepir)
7. Daerah Baling
 - Lembangan Sungai Muda (Sg. Ketil, Sg. Kupang, Sg. Ulu Legong dan Sg. Ketil Hulu)



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

13/50

RAMALAN AWAL BANJIR PADA 5 DISEMBER 2024, JAM 7.00 MALAM



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA RAMALAN AWAL BANJIR KELANTAN



Dikemaskini pada 05 Disember 2024; 05:30 Petang

Susulan Amaran Hujan Berterusan (Waspada) oleh Jabatan Meteorologi Malaysia bertarikh 05 Disember 2024 jam 01:00 tengah hari, diramalkan banjir akan berlaku di daerah-daerah Negeri Kelantan seperti berikut:

Bermula 08 Disember 2024 sehingga 11 Disember 2024

Negeri Kelantan

1. **Jajahan Tumpat**
 - Lembangan Sungai Golok (Sg. Pengkalan Nangka dan Sg. Mentua)
 - Lembangan Sungai Kelantan dan Lembangan Sungai Pengkalan Nangka
2. **Jajahan Pasir Mas**
 - Lembangan Sungai Golok (Sg. Bunut Susu dan Sg. Meranti)
 - Lembangan Sungai Kelantan
3. **Jajahan Kota Bharu**
 - Lembangan Sungai Kelantan
4. **Jajahan Tanah Merah**
 - Lembangan Sungai Golok (Sg. Jegor)
 - Lembangan Sungai Kelantan (Sg. Kusial, Sg. Manal dan Sg. Jedok)
5. **Jajahan Bachok**
 - Lembangan Sungai Gali, Lembangan Sungai Kemasin (Sg. Jelawat)
 - Lembangan Sungai Semerak (Sg. Lubuk Nibong dan Sg. Melor)
6. **Jajahan Machang**
 - Lembangan Sungai Kelantan (Sg. Abal, Sg. Bagan, Sg. Dalu, Sg. Galang, Sg. Hala, Sg. Hau, Sg. Joh, Sg. Kemudu, Sg. Kerak dan Sg. Kerawang)



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

14/50

RAMALAN AWAL BANJIR PADA 5 DISEMBER 2024, JAM 7.00 MALAM

Negeri Kelantan

7. Jajahan Pasir Puteh

- Lembangan Sungai Kelantan (Sg. Semerak dan Sg. Tasek)
- Lembangan Sungai Semerak (Sg. Besut, Sg. Daran Buaya, Sg. Jelor, Sg. Kelong dan Sg. Rasau)

8. Jajahan Kuala Krai

- Lembangan Sungai Kelantan (Sg. Durian, Sg. Tagor, Sg. Galas, Sg. Sedulek, Sg. Geh, Sg. Nal, Sg. Lebir, Sg. Mel, Sg. Mesek dan Sg. Pahi)

9. Jajahan Jeli

- Lembangan Sungai Golok (Sg. Buloh, Sg. Lanas, Sg. Legeh dan Sg. Satan)
- Lembangan Sungai Kelantan (Sg. Pergau, Sg. Belahat, Sg. Jeli, Sg. Jentiang dan Sg. Taduh)

10. Jajahan Gua Musang

Lembangan Sungai Kelantan (Sg. Aring, Sg. Chalil, Sg. Chiku, Sg. Cindai, Sg. Galas, Sg. Keneras, Sg. Ketil, Sg. Lebir, Sg. Nenggiri, Sg. Paloh dan Sg. Tupai)

Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia akan membuat pemantauan berterusan dan mengemaskini hebahan amaran banjir sekiranya hujan yang signifikan terus berlaku di lembangan sungai tersebut. Banjir yang diramalkan boleh berlaku lebih awal atau lewat dari tarikh yang dijangkakan. Semua agensi pengurusan bencana serta penduduk terutamanya di kawasan yang dijangka banjir diminta berwaspada dan peka dengan arahan pihak berkuasa. Sila dapatkan maklumat dan amaran semasa melalui laman web publicinfobanjir.water.gov.my, facebook: PublicInfoBanjir

Dikeluarkan oleh:

Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN)

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

No. Rujukan: JPS-PRABN-KEL-RAB-05122024-1900



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

15/50

RAMALAN AWAL BANJIR PADA 5 DISEMBER 2024, JAM 7.00 MALAM



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA



RAMALAN AWAL BANJIR PAHANG

Dikemaskini pada 05 Disember 2024; 07:00 malam

Susulan Amaran Hujan Berterusan (Waspada) oleh Jabatan Meteorologi Malaysia bertarikh 05 Disember 2024 jam 01:00 tengah hari, diramalkan banjir akan berlaku di daerah-daerah Negeri Pahang seperti berikut:

Bermula 09 Disember 2024 sehingga 11 Disember 2024

Negeri Pahang

1. Daerah Tanah Tinggi Cameron
 - Lembangan Sungai Pahang (Sg. Telum, Sg. Tringkap dan Sg. Ringlet)
2. Daerah Lipis
 - Lembangan Sungai Pahang (Sg. Jelai, Sg. Lipis dan Sg. Telum)
3. Daerah Jerantut
 - Lembangan Sungai Pahang (Sg. Tembeling dan Sg. Jelai)
4. Daerah Maran
 - Lembangan Sungai Pahang (Sg. Luit dan Sg. Maran)
5. Daerah Kuantan
 - Lembangan Sungai Pahang (Sg. Lepar),
 - Lembangan Sungai Kuantan
 - Lembangan Sungai Cherating
6. Daerah Pekan
 - Lembangan Sungai Pahang (Sg. Pahang Tua), Lembangan Sg. Merchung dan Lembangan Sg. Bebar
7. Daerah Rompin



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalgencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

16/50

RAMALAN AWAL BANJIR PADA 5 DISEMBER 2024, JAM 7.00 MALAM

Negeri Pahang

- Lembangan Sungai Rompin (Sg. Pontian, Sg. Sekin, Sg. Gayung, Sg. Aur, Sg. Jeram, Sg. Kepasing, Sg. Jekatih dan Sg. Pukin)
- Lembangan Sungai Endau,
- Lembangan Sungai Pontian dan Sungai Tekek)

Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia akan membuat pemantauan berterusan dan mengemaskini hebahan amaran banjir sekiranya hujan yang signifikan terus berlaku di lembangan sungai tersebut. Banjir yang diramalkan boleh berlaku lebih awal atau lewat dari tarikh yang dijangkakan. Semua agensi pengurusan bencana serta penduduk terutamanya di kawasan yang dijangka banjir diminta berwaspada dan peka dengan arahan pihak berkuasa. Sila dapatkan maklumat dan amaran semasa melalui laman web publicinfobanjir.water.gov.my, facebook: PublicInfoBanjir

Dikeluarkan oleh:

Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN)
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
No. Rujukan: JPS-PRABN-PHG-RAB-05122024-1900



RAMALAN AWAL BANJIR PADA 5 DISEMBER 2024, JAM 7.00 MALAM



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA



RAMALAN AWAL BANJIR NEGERI PERLIS

Dikeluarkan pada 05 Disember 2024; 07:00 malam

Susulan Amaran Hujan Berterusan (Waspada) oleh Jabatan Meteorologi Malaysia bertarikh 05 Disember 2024 jam 1:00 tengah hari, diramalkan banjir akan berlaku di daerah-daerah Negeri Perlis seperti berikut:

Bermula 08 Disember 2024 sehingga 11 Disember 2024

Negeri Perlis

1. Kawasan Padang Besar
 - Lembangan Sungai Perlis (Sg. Jarum dan Sg. Pelarit)
2. Kawasan Arau
 - Lembangan Sungai Perlis (Sg. Ngulang, Sg. Chuping, Sg. Pangas Besar, Sg. Gial dan Sg. Pangas Kecil)
3. Kawasan Kangar
 - Lembangan Sungai Perlis (Sg. Korok, Sg. Batu Pahat dan Sg. Temenggong)

Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia akan membuat pemantauan berterusan dan mengemaskini hebahan amaran banjir monsun sekiranya hujan yang signifikan terus berlaku di lembangan sungai tersebut. Banjir yang diramalkan boleh berlaku lebih awal atau lewat dari tarikh yang dijangkakan. Semua agensi pengurusan bencana serta penduduk terutamanya di kawasan yang dijangka banjir diminta berwaspada dan peka dengan arahan pihak berkuasa. Sila dapatkan maklumat dan amaran semasa melalui laman web publicinfobanjir.water.gov.my, facebook: PublicInfoBanjir

Dikeluarkan oleh:

Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN)

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

No. Rujukan: JPS-PRABN-PLS-RAB-05122024-1900



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

18/50

RAMALAN AWAL BANJIR PADA 5 DISEMBER 2024, JAM 7.00 MALAM



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA



RAMALAN AWAL BANJIR NEGERI PERAK

Dikeluarkan pada 05 Disember 2024; 07:00 malam

Susulan Amaran Hujan Berterusan (Waspada) oleh Jabatan Meteorologi Malaysia bertarikh 05 Disember 2024 jam 1:00 tengah hari, diramalkan banjir akan berlaku di daerah-daerah negeri Perak seperti berikut:

Bermula 08 Disember 2024 sehingga 11 Disember 2024

Negeri Perak

1. Daerah Hulu Perak

- Lembangan Sungai Perak (Sg. Chemor, Sg. Air Tawar, Sg. Kenering dan Sg. Neruk)

Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia akan membuat pemantauan berterusan dan mengemaskini hebahan amaran banjir monsun sekiranya hujan yang signifikan terus berlaku di lembangan sungai tersebut. Banjir yang diramalkan boleh berlaku lebih awal atau lewat dari tarikh yang dijangkakan. Semua agensi pengurusan bencana serta penduduk terutamanya di kawasan yang dijangka banjir diminta berwaspada dan peka dengan arahan pihak berkuasa. Sila dapatkan maklumat dan amaran semasa melalui laman web publicinfobanjir.water.gov.my, facebook: PublicInfoBanjir

Dikeluarkan oleh:

Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN)

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

No. Rujukan: JPS-PRABN-PRK-RAB-05122024-1900



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

19/50

RAMALAN AWAL BANJIR PADA 5 DISEMBER 2024, JAM 7.00 MALAM



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

RAMALAN AWAL BANJIR TERENGGANU



Dikemaskini pada 05 Disember 2024; 07:00 malam

Susulan Amaran Hujan Berterusan (Waspada) oleh Jabatan Meteorologi Malaysia bertarikh 05 Disember 2024 jam 01:00 tengah hari, diramalkan banjir akan berlaku di daerah-daerah Negeri Terengganu seperti berikut:

Bermula 08 Disember 2024 sehingga 11 Disember 2024.

Negeri Terengganu

1. Daerah Besut
 - Lembangan Sungai Besut & Lembangan Sungai Keluang Besar
2. Daerah Setiu
 - Lembangan Sungai Terengganu (Sungai Nerus & Sungai Pelong), Lembangan Sungai Setiu (Sungai Chalok)
3. Daerah Kuala Nerus
 - Lembangan Sungai Terengganu (Sungai Nerus)
4. Daerah Kuala Terengganu
 - Lembangan Sungai Terengganu, Lembangan Sungai Ibai
5. Daerah Hulu Terengganu
 - Lembangan Sungai Terengganu (Sungai Telemong, Sungai Berang, Sungai Tersat & Sungai Paneh), Lembangan Sungai Marang
6. Daerah Marang
 - Lembangan Sungai Marang (Sungai Marang)
7. Daerah Dungun
 - Lembangan Sungai Dungun (Sungai Dungun)



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

20/50

RAMALAN AWAL BANJIR PADA 5 DISEMBER 2024, JAM 7.00 MALAM

Terengganu

8. Daerah Kemaman

- Lembangan Sungai Kemaman (Sungai Jabor, Sungai Cherul & Sungai Chukai), Lembangan Sungai Kemasik

Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia akan membuat pemantauan berterusan dan mengemaskini hebahan amaran banjir sekiranya hujan yang signifikan terus berlaku di lembangan sungai tersebut. Banjir yang diramalkan boleh berlaku lebih awal atau lewat dari tarikh yang dijangkakan. Semua agensi pengurusan bencana serta penduduk terutamanya di kawasan yang dijangka banjir diminta berwaspada dan peka dengan arahan pihak berkuasa. Sila dapatkan maklumat dan amaran semasa melalui laman web publicinfobanjir.water.gov.my, facebook: PublicInfoBanjir

Dikeluarkan oleh:

Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN)

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

No. Rujukan: JPS-PRABN-TRG-RAB-05122024-1900



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

21/50

Lampiran 5

STATUS AIR SEMASA PADA 6 DISEMBER 2024, JAM 6.00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI KELANTAN

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
Sg. Golok di Kuala Jambu (F1)	Sungai Golok	Tumpat	2	2.5	3	3.34	Menurun

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
Sg. Golok di Rantau Panjang (F1)	Sungai Golok	Pasir Mas	7	8	9	8.75	Menurun
Sg. Semerak di Tok Bali (F2)	Sungai Semerak	Pasir Puteh	1	2	3	2.33	Menurun



LAPORAN HARIAN BENCANA #09

AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI (NADMA, JPM)

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC: 03-8064 2400

6 DISEMBER 2024

22/50

STATUS AIR SEMASA PADA 6 DISEMBER 2024, JAM 6.00 PAGI

STATUS ARAS AIR SEMASA DI JOHOR

3

Stesen	Lembangan Sungai	Daerah	Aras Waspada (m)	Aras Amaran (m)	Aras Bahaya (m)	Aras Semasa Terakhir	Trend
